

Ecological Influence on the Works of Contemporary Printmaking Artists

Mursyidah Zainal Abidin*
*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
Malaysia
Email: mursyidah@uitm.edu.my*

Sabzali Musa Kahn*
*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
Malaysia
Email: sabzali@um.edu.my*

Fakhrur Razi Maamor*
*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
Malaysia
Corresponding author
Email: fakhrurrazi991@um.edu.my³*

Received Date: **01.05.2025**; Accepted Date: **29.08.2025**; Available Online: **06.12.2025**

**These authors contributed equally to this study*

ABSTRACT

The influence of ecology in the formation of ideas and the production of contemporary artworks has potential in the artistic practice of print artists. Printmaking is one of the media that conveys current issues in a personal context globally. Ecology also reflects awareness of the dynamic relationship between humans and the surrounding ecosystem. However, there is a lack of in-depth critical studies on the influence of ecology on the creative process of producing artworks. Therefore, this study aims to understand the influence of ecology on the selection of materials, techniques, and themes, as well as its impact on printmaking artworks. The qualitative research methodology involves visual analysis of printmaking artworks from two selected artists, namely Haafiz Shahimi and Fadli Mokhtar. The semi-structured interview method and observation of the artist's process of producing artworks were conducted within the framework of Urie Bronfenbrenner's ecological theoretical framework. The analysis was assessed based on the complex relationship between the artist and the micro, meso, ecosystem, and macro environments that influence the artist's thinking and processing of ideas through their work. The study findings show that contemporary printmaking artists utilize printmaking materials and techniques to convey personal narrative messages. Nature-based motifs and symbolism, such as flora and fauna, are employed to enliven narratives that highlight the harmonious relationship between humans and their surrounding environment. In conclusion, the integration of ecology in contemporary printmaking not only enriches the visual narrative but also contributes to a deeper artistic discourse while raising awareness of global issues. Further research is recommended to examine the comparison between ecological approaches through printmaking in various cultural contexts as a contribution to the field of printmaking in Malaysia.

Keywords: *Contemporary, Ecology, Ecological Theory, Printmaker, Printmaking*

Pengaruh Ekologi Terhadap Karya Artis Seni Cetak Kontemporari

Mursyidah Zainal Abidin*
*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
Malaysia
Email: mursyidah@uitm.edu.my*

Sabzali Musa Kahn*
*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
Malaysia
Email: sabzali@um.edu.my*

Fakhrur Razi Maamor*
*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur,
Malaysia
Penulis koresponden
Email: fakhrurrazi991@um.edu.my³*

Tarikh Masuk: **01.05.2025**; Tarikh Terma: **29.08.2025**; Tarik Terbit: **06.12.2025**

**Penulis-penulis ini menyumbang sama rata kepada kajian ini.*

ABSTRAK

Pengaruh ekologi dalam pembentukan idea dan penghasilan karya seni kontemporari memiliki potensi dalam amalan seni artis seni cetak. Seni cetak menjadi salah satu medium menyampaikan isu-isu semasa dalam konteks peribadi secara global. Hal ini sekaligus mencerminkan kesedaran terhadap hubungan dinamik antara manusia dengan ekosistem sekitarnya. Namun, terdapat kekurangan kajian kritikal yang mendalam tentang pengaruh ekologi terhadap proses kreatif penghasilan karya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memahami pengaruh ekologi melalui pemilihan bahan, teknik dan tema serta impaknya terhadap karya seni cetak. Metodologi kajian kualitatif melibatkan analisis visual terhadap karya seni cetak daripada dua artis terpilih iaitu Haafiz Shahimi dan Fadli Mokhtar. Kaedah temu bual separa struktur dan pemerhatian terhadap proses penghasilan karya dijalankan berpandukan kerangka teori ekologi oleh Urie Bronfenbrenner. Analisis dinilai berdasarkan hubungan kompleks antara artis dengan persekitaran mikro, meso, ekosistem dan makro yang mempengaruhi pemikiran dan pengolahan idea melalui pengkaryaan artis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa artis seni cetak kontemporari memanfaatkan bahan dan teknik cetakan untuk menyampaikan mesej bersifat naratif peribadi. Motif dan simbolisme berasaskan alam seperti flora dan fauna digunakan untuk menghidupkan naratif yang menekankan hubungan harmoni antara manusia dan alam sekitarnya. Kesimpulannya, integrasi ekologi dalam seni cetak kontemporari bukan sahaja memperkayakan naratif visual tetapi juga menyumbang kepada wacana seni yang lebih mendalam di samping meningkatkan kesedaran terhadap isu global.

Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti perbandingan antara pendekatan ekologi melalui karya seni cetak di pelbagai konteks budaya sebagai sumbangan kepada bidang seni cetak di Malaysia.

Kata kunci: *Artis Seni Cetak, Ekologi, Kontemporari, Seni Cetak, Teori Ekologi*

PENGENALAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami pengaruh ekologi terhadap kandungan dan konteks karya disiplin seni cetak kontemporari di Malaysia. Pemahaman ini bukan sekadar susunan visual atas kanvas tetapi juga melalui pemilihan bahan, teknik dan tema yang aplikasikan. Perkara ini menawarkan suatu perspektif yang meluas terhadap hubungan kait antara ekologi dan seni cetak kontemporari. Penelitian terhadap faktor persekitaran mempengaruhi ekspresi kreatif serta identiti disiplin termasuklah aspek estetika, simbolisma dan gaya penghayatan artis terhadap tindak balas ekologi sekeliling mereka. Kreativiti dalam proses penghasilan karya bukan sekadar membentuk identiti dan makna tetapi juga berperanan sebagai medium komunikasi antara seniman dan audiens. Selain ekspresi visual, setiap karya mengandungi unsur tersirat seperti subjek, metafora dan elemen budaya yang mempunyai pemaknaan yang mendalam serta memperkaya naratif seni cetak.

Dari perspektif ekologi seni, pemahaman masyarakat terhadap makna tersirat karya seni dipengaruhi oleh latar belakang budaya, nilai sosial dan persekitaran tempat karya tersebut dihasilkan dan dipersembahkan. Misalnya, konteks seni cetak kontemporari di Malaysia, elemen alam dan falsafah Melayu sering diterapkan bagi mengekspresikan hubungan antara manusia dengan ekosistem sekeliling. Justeru, interaksi antara seniman dengan ekologi budaya dan sosial mereka akan membentuk naratif yang lebih kaya dalam karya seni. Oleh itu, kepentingan unsur tersirat dalam karya bukan sahaja terletak pada estetika tetapi juga pada fungsinya sebagai alat komunikasi yang memungkinkan wacana kritikal, penyampaian ideologi dan kesedaran terhadap isu-isu tertentu dalam masyarakat. Apabila masyarakat memiliki keupayaan untuk menafsirkan makna tersirat ini, apresiasi terhadap seni akan lebih mendalam sekaligus memperkukuh peranan seni dalam kehidupan sosial dan budaya.

Ekologi seni menekankan bahawa seni tidak wujud dalam “vakum” tetapi dipengaruhi oleh interaksi dinamik antara artis dan persekitaran mereka. Menurut Syed Alwi et al. (2018), model ekologi seniman visual dalam industri seni visual kontemporari Malaysia menekankan pentingnya memahami amalan bukan teknikal dalam penghasilan karya. Perkara ini termasuk faktor-faktor seperti sokongan komuniti, dasar kerajaan dan kesedaran alam sekitar yang semuanya memainkan peranan dalam membentuk proses kreatif artis. Tema yang diangkat dalam karya seni cetak turut dipengaruhi oleh persekitaran ekologi artis. Kajian oleh Sugiarto et.al (2017) menunjukkan bahawa faktor persekitaran di kawasan pesisir Semarang menjadi sumber inspirasi dalam proses berkarya seni rupa, khususnya kanak-kanak. Interaksi langsung dengan alam sekitar membentuk persepsi dan ekspresi artistik yang unik dalam mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam.

Ekologi Seni

Pelbagai istilah yang diterjemahkan dalam konteks seni visual di Malaysia seperti dijelaskan oleh Sarena (2018). Tambahnya lagi, istilah ini terdiri daripada lanskap seni, ekosistem seni dan ekologi seni. Lanskap seni merujuk kepada aktiviti seni secara umum termasuk artis, galeri dan pameran. Ekosistem seni pula menggambarkan interaksi dinamik antara artis seperti cara mereka berkomunikasi, berkongsi idea, bekerjasama dan berkembang bersama. Ekosistem yang kukuh membentuk budaya yang menyokong

aliran idea, bakat dan sumber dalam dunia seni. Manakala ekologi seni memfokuskan kepada hubungan artis dengan persekitaran semula jadi, sosial dan binaan mereka melihat elemen ini mempengaruhi proses kreatif dan karya seni. Ketiga-tiga konsep ini saling melengkapi bidang seni visual di Malaysia berkembang melalui hubungan dinamik antara artis, komuniti dan persekitaran mereka.

Istilah ekologi tidak terhad penggunaannya dalam konteks sains malah sering dikaitkan dalam pelbagai bidang. Berdasarkan penyelidikan ini, ekologi merujuk kepada maksud kewujudan manusia, artis dan pengaruh persekitarannya (Winczek et al., 2018). Ekologi dalam konteks seni rupa, merupakan sebuah interaksi manusia, artis dengan alam sekeliling mereka yang terbentuk melalui pemilihan bahan, teknik penghasilan atau tema karya. Perkara ini dapat dilihat pada cara artis seni cetak kontemporari di Malaysia yang memanfaatkan ekologi sebagai inspirasi pengkaryaan dan refleksi terhadap hubungan budaya, sosial, rohaniah dan alam sekitar. Ini jelas dinyatakan oleh Anggrian et al. (2022) bahawa ekologi seni dan persekitaran tidak dapat dipisahkan oleh seniman yang menjadikan krisis ekologi yang bersifat kontekstual serta menjadikan isu alam sekitar dalam karya. Melalui pendekatan pelbagai disiplin, seniman memperjuangkan kesedaran ekologi dengan menggunakan seni sebagai medium meningkatkan kesedaran masyarakat, refleksi kritis dan aktiviti konservasi.

Manakala Bronfenbrenner (1979) merujuk ekologi kepada cabang ilmu yang mengkaji hubungan dan interaksi antara organisma hidup dengan persekitaran fizikal mereka. Pemahaman terhadap konsep keseimbangan ekosistem dan hubung kait setiap elemen saling mempengaruhi termasuk manusia, haiwan, tumbuhan serta elemen bukan hidup seperti tanah, air dan udara. Walau bagaimanapun, bidang ekologi tidak terhad kepada kepada bidang sains semula jadi semata malah menghubungkan manusia dengan persekitarannya. Implikasinya dilihat melalui pelbagai konteks sosial, budaya dan seni khususnya.

Seiring dengan itu, ekologi seni merujuk kepada pendekatan yang menekankan hubungan antara seni, alam sekitar dan isu-isu ekologi. Tema kelestarian, konservasi alam, perubahan iklim dan kemusnahan ekosistem diterjemahkan melalui eksplorasi artistik. Konsep ini melihat seni sebagai medium untuk menggambarkan keprihatinan terhadap alam sekitar, serta alat untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu berkaitan ekologi. Mohamad Kamal (2016) menegaskan bahawa seni visual adalah refleksi langsung pengalaman artis terhadap masa, keadaan dan persekitaran mereka. Setiap generasi menghasilkan karya seni yang mencerminkan realiti sosial, budaya dan menjadikan seni visual sentiasa berevolusi. Walaupun karya seni kontemporari sering kali dipengaruhi oleh karya generasi terdahulu ia tetap berubah mengikut ruang dan konteks sezaman yang sentiasa relevan dengan perubahan masyarakat. Sim, 2023)

Setiap artis mempunyai kanvas yang berbeza, karya seni mereka berkongsi persamaan dalam mempersembahkan idea atau cerita serta menyampaikan mesej tersirat melalui visual. Tema yang berhubung dengan persekitaran dan alam sekitar sering menjadi sumber inspirasi kepada artis di Malaysia. Hal ini berkait rapat dengan respon dan tindak balas artis terhadap isu-isu semasa yang memberi kesan kepada komuniti, masyarakat setempat dan negara. Peranan artis dalam merekod dan menggambarkan kisah serta cerita berdasarkan tema-tema ini sangat penting sebagai rujukan untuk audiens. Nirmala Dutt Shanmughaligham pada tahun 1970-an merupakan antara artis terawal yang menentang isu-isu alam sekitar melalui karya seninya. Antara karya beliau yang menggunakan medium fotografi dan cetakan sutera saring menggambarkan isu pembalakan haram di Sarawak pada tahun 1980-an. Menjelang tahun 1990-an, semakin ramai artis mula mengangkat tema berkaitan persekitaran dan permasalahan alam sekitar dalam karya mereka.

Walaupun tema dan idea yang diangkat oleh artis-artis ini mungkin serupa, perbezaan dapat dilihat dalam aspek konsep, teknik, gaya dan kepakaran teknikal masing-masing. Kepelbagaian media dan teknik yang digunakan memberi audiens peluang untuk melihat dan menghayati seni dari pelbagai perspektif melalui ekspresi kreatif yang unik. Penghasilan karya seni ini juga bertujuan untuk membolehkan artis

bereksperimentasi serta memberikan tindak balas terhadap persekitaran mereka melalui seni visual (Mursyidah et al., 2024). Selain itu, cabaran bagi seniman visual bukan sekadar menghasilkan karya malah dilihat pada peluang memasarkan karya seni mereka juga. Ia menunjukkan kepentingan ekologi seniman visual sebagai sistem yang saling berkait melibatkan faktor ekonomi, sosio-politik, psikologi dan persekitaran fizikal. Syed Alwi et al. (2018) dalam kajiannya membangunkan kerangka kerja yang dapat memperkasa ekosistem budaya seniman visual serta meningkatkan produktiviti industri seni visual Malaysia. Melalui kerangka ini, ia mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kreatif negara dan menyediakan peluang kepada artis-artis baru.

Perkembangan Seni Cetak Kontemporari di Malaysia

Seni kontemporari di Malaysia mula berkembang sekitar tahun 1930-an didorong oleh tiga faktor utama iaitu penjajahan Inggeris, kemasukan imigran asing dan perkembangan dalam bidang pendidikan. Perkembangan seni kontemporari tempatan berkait rapat dengan proses pemodenan negara yang merangkumi pelbagai bentuk seni. Ini dapat dilihat melalui seni visual, kartun, kesusasteraan serta bentuk seni lain yang menyumbang kepada pembangunan budaya Malaysia. Istilah kontemporari itu sendiri merujuk kepada sifat yang mutakhir dan terkini selari dengan seni visual. Perkara ini dibincangkan oleh Tunner C. (1999) dan Issarezal et. al (2020), fenomena yang terjadi terdahulu, masa kini dan masa hadapan dalam pelbagai bidang saling berinteraksi. Seni visual kontemporari di Malaysia adalah cerminan interaksi antara tradisi dan inovasi dalam konteks global. Ia menawarkan ruang kreatif yang mempertemukan sejarah dan budaya tempatan dengan pengaruh moden menjadikannya medium yang dinamik untuk menyuarakan identiti, menyampaikan naratif dan mencipta dialog antara masa lalu dan masa kini. Pendekatan ini memperkaya wacana seni visual, menjadikannya lebih inklusif dan relevan dalam era globalisasi (Issarezal et al., 2023).

Manakala perkembangan seni cetak menurut Rosiah et al. (2014), dipengaruhi oleh faktor sejarah awal kedatangan seni cetak di Malaysia, pengaruh pendidikan dalam dan luar negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan evolusi seni cetak kontemporari melalui karya artis pelopor. Seni cetak di Malaysia mula berkembang daripada kaedah tradisional kepada bentuk kontemporari dengan sumbangan signifikan daripada artis dan institusi pendidikan. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran seni cetak terus relevan melalui penggabungan teknologi moden dan penghayatan nilai budaya tempatan. Ini turut dinyatakan oleh Mulyadi (2007) dan Mohd Fawazie et al. (2022), era pluralis membawa angin perubahan yang membebaskan seni cetak daripada batasan tradisional dengan memberikan ruang kepada eksplorasi teknologi dan pendekatan kontemporari. Gabungan teknik konvensional dan digital oleh Ponirin Amin mencerminkan keberanian artis untuk bereksperimen dengan teknologi menjadikan seni cetak lebih dinamik dan relevan dalam era moden. Hal ini bukan sahaja memperkaya wacana seni cetak tetapi juga membuka peluang kepada seniman lain untuk meneroka medium baharu.

Pada era 1990-an hingga kini seni cetak kontemporari di Malaysia menjadi lebih kompleks merangkumi pelbagai teknik seperti cetakan timbul, *intaglio*, *screen printing*, *lithography* dan teknik campuran. Seniman tempatan mula memanfaatkan seni cetak sebagai medium untuk meneroka isu-isu sosial, politik, budaya dan alam sekitar. Ponirin Amin dan Juhari Said telah memperluaskan pendekatan seni cetak dengan memanfaatkan bahan tidak konvensional melalui teknik pemasangan (*installation art*). Menurut Mohamed Saat et al. (2021), bahan alternatif memberi ruang kepada artis untuk bereksperimentasi melalui bentuk tiga dimensi dan penggunaan acuan yang membenarkan elemen cetakan yang lebih daripada konvensional. Kepentingan acuan atau matriks dalam seni cetak adalah elemen penting dalam penghasilan karya seni yang konsisten dan berulang. Ia bukan sahaja menjadi asas teknik cetakan tetapi juga pemahaman terminologi. Ini menunjukkan bahawa seni cetak tidak hanya bersifat teknikal tetapi juga menawarkan dimensi konseptual yang dapat diperluas ke bidang seperti reka bentuk produk, pendidikan seni dan inovasi teknologi (Mursyidah et al., 2016).

Artis seni cetak mencipta sintesis yang unik dengan mendalami seni cetak sebagai medium utama dan menggunakannya sebagai alat untuk menterjemahkan pelbagai bahasa visual. Karya yang dihasilkan meletakkan seni cetak di kedudukan penting dalam seni kontemporari di mana artis semakin melangkaui batas label tradisional dengan meneroka disiplin yang pelbagai. Pendekatan ini bukan sahaja merangkumi pelbagai medium seni tetapi juga melibatkan interaksi dengan filem, persembahan, aktivisme serta isu-isu ekologi menjadikan seni cetak relevan dan dinamik dalam konteks global (McMahon, 2014). Kemunculan pameran "*GO-BLOCK*" pada tahun 2009 di Galeri Petronas menandakan satu titik penting dalam sejarah seni cetak tempatan yang mencerminkan keberanian seniman untuk bereksperimen dan mencabar batasan tradisional. Pameran ini bukan sahaja merangsang inovasi tetapi juga memperkukuh kedudukan seni cetak sebagai medium seni yang dinamik di peringkat tempatan dan global. Pameran ini mencetuskan jangkakan yang lebih tinggi terhadap pemahaman seni cetak di Malaysia bukan sahaja pada masa kini tetapi juga untuk masa depan. Dengan memberi tumpuan kepada pendekatan alternatif pameran ini mencabar kefahaman tradisional seni cetak dengan memperkenalkan pelbagai bentuk persembahan yang inovatif dan tidak konvensional (Hamidi et al., 2019).

Pameran *Go Block* pertama telah mempamerkan karya lima seniman tempatan terkemuka iaitu Juhari Said, Zulkifli Yusuf, Izan Tahir, Ng Kim Peow dan Shahrul Jamili. Setiap seniman membawa perspektif unik yang memperlihatkan kebolehan seni cetak sebagai medium yang mampu berevolusi dan menyesuaikan diri dengan konteks seni kontemporari. Melalui eksplorasi teknik, bahan dan konsep baharu pameran ini tidak hanya memaparkan karya seni tetapi juga berfungsi sebagai dasar untuk memperluas bidang seni cetak di Malaysia. Ini dibuktikan dengan siri rangkaian pameran berkumpulan yang mengekalkan konsep *Go Block* sebagai dasar menggerakkan seni cetak kontemporari dengan penglibatan lebih ramai artis.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan mengkaji data sedia ada, temu bual separa berstruktur dan kaedah pemerhatian untuk meneroka hubungan rumit antara artis dan persekitaran ekologi mereka. Dalam proses pengumpulan data, penyelidik menerapkan teori Winckelmann (2013) yang merangkumi empat peringkat utama: mengumpul, mengkategorikan, menganalisis dan penggunaan data. Pendekatan ini menekankan pengumpulan data secara menyeluruh sebelum dikategorikan mengikut objektif serta persoalan kajian yang telah ditetapkan. Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis secara sistematik dan digunakan secara relevan dalam penulisan kajian. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik memberi tumpuan kepada maklumat yang diperlukan, sekali gus memastikan ketepatan dan kesesuaian data yang digunakan.

Selain itu, kaedah ini digabungkan dengan hasil temu bual yang telah dianalisis bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan mendalam terhadap dapatan kajian. Anggrian et al. (2022) menekankan kaedah temu bual dan pendekatan kualitatif bagi menganalisa data berkesan dalam memperoleh pandangan terperinci. Fleksibiliti yang wujud dalam temu bual separa berstruktur membolehkan penyelidik meneliti topik khusus dengan lebih mendalam memudahkan pemahaman menyeluruh tentang perspektif peserta dan faktor kontekstual yang mempengaruhi amalan mereka.

Kaedah kualitatif membolehkan penyelidik untuk meneroka implikasi seni yang lebih luas dalam konteks ekologi. Penyelidikan kualitatif digunakan bagi melihat proses artistik artis seni cetak kontemporari melalui rangka kerja teori ekologi yang dicadangkan oleh Bronfenbrenner (1979) adalah penting untuk menggunakan metodologi yang sesuai yang memastikan kekayaan dan kedalaman data yang dikumpul. Perspektif ini menyokong tanggapan bahawa penyelidikan kualitatif boleh menjadi alat yang berkuasa untuk memahami cara artis menavigasi dan bertindak balas terhadap cabaran persekitaran

melalui kerja mereka. Kaedah pemerhatian mengukuhkan temu bual dengan memberikan pengalaman langsung proses kreatif artis. Pendekatan ini membolehkan pengetahuan yang lebih komprehensif tentang cara sistem ekologi yang berbeza mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem berinteraksi untuk membentuk ekspresi artistik.

Curtis (2009) menekankan kepentingan seni ekologi dalam mengajar empati dan kesedaran tentang cabaran alam sekitar, dengan alasan bahawa pemerhatian secara langsung terhadap amalan artistik boleh mendedahkan motivasi asas dan pembolehubah kontekstual yang mempengaruhi karya artis. Rangka kerja teori ekologi ini melihat tingkah laku individu dipengaruhi oleh persekitaran sekeliling mereka. Ini disokong oleh Mogashoa dan Makaring (2024) dalam kajiannya yang menggabungkan temu bual separa berstruktur dengan perbincangan kumpulan fokus boleh memberikan pandangan berharga tentang cabaran dan fasilitator penyepaduan teknologi dalam konteks pendidikan. Gabungan kedua-dua kaedah ini menekankan keperluan untuk melakukan triangulasi sumber data untuk meningkatkan kesahan dapatan kajian kualitatif.


Kaedah pengenalpastian informan berdasarkan kriteria khusus sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif bagi memastikan pemilihan peserta yang relevan dengan objektif kajian. Penyelidikan ini memilih informan adalah berdasarkan artis seni cetak muda kontemporari yang berpengalaman lebih daripada lima tahun dan aktif. Seramai dua orang artis seni cetak iaitu Fadli Mokhtar dan Haafiz Shahimi dipilih bagi kajian ini. Perkara ini adalah berpandukan pada kajian Rosiah and Mohd Zahuri (2010) yang menggunakan pendekatan kajian lapangan dalam mengenal pasti dan memilih seniman cetak Melayu di Malaysia. Tujuan kajian beliau bagi menganalisis perkembangan karya artis yang dipilih dalam konteks seni rupa tempatan. Maka, pemilihan informan dalam kajian ini didasarkan pada pengalaman dan penglibatan mereka dalam arena seni cetak Malaysia, selaras dengan keperluan kajian yang meneliti perkembangan teknik dan makna dalam karya mereka. Jelas menunjukkan aspek pemilihan adalah berpadanan dengan konsep kajian Rosiah and Mohd Zahuri (2019).

Kajian oleh Nur Ain Elzira (2018) turut dijadikan panduan terhadap kaedah pemilihan informan berdasarkan pemenuhan syarat kelayakan yang ditetapkan. Peserta dipilih sekiranya mereka memenuhi sekurang-kurangnya tiga daripada lima kriteria yang telah ditentukan, pengalaman dalam bidang sekurang-kurangnya lima tahun dan penglibatan aktif dalam pendekatan kolaboratif profesional. Kaedah ini memastikan bahawa hanya individu yang memiliki pengalaman dan kepakaran yang sesuai dilibatkan dalam kajian, seterusnya meningkatkan kredibiliti dan ketepatan data yang diperolehi. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pemilihan informan dalam sesuatu kajian bukan sahaja bergantung kepada ketersediaan peserta, tetapi turut memerlukan pematuhan kepada kriteria khusus yang dapat menjamin kesesuaian dan ketepatan data yang dikumpulkan. Melalui proses pengenalpastian, saringan dan pemilihan yang sistematik menghasilkan dapatan yang lebih mantap serta seiring dengan objektif penyelidikan.

Teori Ekologi

Dalam hal ini, bagi memahami artis dan karya seni mereka pendekatan teori ekologi digunakan untuk melihat interaksi pelbagai sistem persekitaran dari yang paling dekat (mikrosistem) hingga yang paling luas (makrosistem). Sehubungan dengan itu, teori ekologi oleh Bronfenbrenner (1979), menekankan hubungan dinamik antara individu dengan sistem persekitaran yang mempengaruhi perkembangan mereka. Teori ekologi merangkumi lima sistem ekologi iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Kesemua sistem ini saling terkait di antara satu sama lain dengan persekitaran di mana individu itu berkembang. Namun untuk analisa karya bagi penyelidikan ini tidak dikaitkan dengan kronosistem.

Bronfenbrenner menggariskan kerangka analitikal yang berkesan untuk memahami ekologi seni, dengan menekankan interaksi kompleks antara pelbagai sistem persekitaran dalam membentuk perkembangan individu. Rajah 1 merujuk kepada empat sistem ekologi yang digariskan oleh Bronfenbrenner. Elemen mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem dilihat mempunyai pengaruh signifikan terhadap pengalaman dan ekspresi artistik seseorang seniman.



Rajah1. Teori Ekologi
(Sumber: Bronfrenbrenner, 1979)

Mikrosistem merujuk kepada persekitaran terdekat yang mempunyai pengaruh langsung terhadap seniman, seperti keluarga, rakan sebaya dan komuniti setempat. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman serta hasil kreativiti mereka. Rosyidah et al. (2024) menunjukkan kolektif seni di aplikasikan dalam memperjuangkan isu ekologi setempat, mencerminkan kesan persekitaran sosial terhadap amalan artistik dan aktivisme ekologi artis. Mesosistem pula merangkumi hubungan antara pelbagai mikrosistem yang berbeza, yang secara kolektif mempengaruhi perkembangan dan amalan seni seseorang seniman. Sebagai tambahan kolaborasi antara kumpulan masyarakat dan institusi pendidikan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi perkembangan seni. Neal dan Neal (2013) menggariskan sistem ekologi boleh difahami sebagai rangkaian bertindih yang menghubungkan pelbagai lapisan sosial, memperlihatkan bahawa interaksi antara pelbagai entiti ini memberi kesan terhadap ekspresi dan perkembangan artistik.

Ekosistem mencakupi faktor-faktor luar yang tidak secara langsung melibatkan seniman tetapi tetap mempengaruhi mereka, seperti dasar kerajaan, perubahan ekonomi dan infrastruktur budaya. Faktor-faktor ini mempunyai implikasi mendalam terhadap sumber daya yang tersedia bagi aktiviti seni serta iklim budaya secara keseluruhan. Makrosistem, yang merangkumi nilai budaya, ideologi dan struktur masyarakat secara keseluruhan turut memainkan peranan yang kritikal dalam membentuk naratif seni. Maanen (2009) menegaskan bahawa memahami ekologi seni memerlukan perhatian terhadap konteks budaya dan sosial yang membentuk motivasi serta tema yang diangkat dalam karya seni. Evolusi landskap seni akibat perubahan sosial, teknologi dan politik mencerminkan faktor ini dapat mempengaruhi perkembangan karya seni dan nilai yang terkandung di dalamnya.

Secara keseluruhannya, teori ekologi Bronfenbrenner memfokuskan perspektif holistik dalam mengkaji ekologi seni dengan meneliti hubungan dinamik antara pelbagai sistem persekitaran. Dengan mempertimbangkan mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem, penyelidik memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor kontekstual yang membentuk amalan seni, sekaligus memperkaya wacana mengenai hubungan antara seni, masyarakat dan alam sekitar.

DAPATAN KAJIAN

Pemilihan karya dalam kajian ini dibuat berdasarkan gabungan teknik konvensional dan cetakan alternatif yang mencerminkan pendekatan unik kedua-dua artis terhadap kandungan dan konteks karya mereka. Analisis karya dijalankan dengan memberi tumpuan kepada bukti visual yang terdapat dalam karya seni, termasuk elemen formal seperti komposisi, tekstur dan warna selain interpretasi simbol yang dikaitkan dengan konteks karya. Selain itu, penelitian turut disokong oleh rujukan daripada sumber akademik, kajian terdahulu, serta temu bual bagi memperkukuh pemahaman terhadap pengaruh ekologi dalam seni cetak kontemporari. Melalui pendekatan ini, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam mengenai bagaimana ekologi membentuk ekspresi seni, pemilihan bahan serta perkembangan teknik dalam seni cetak Malaysia.

Jadual 1. Senarai Informan serta maklum balas dari temu bual

Informan	Maklum balas
Fadli Mokhtar	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengalaman bersama keluarga adalah pencetus utama dalam penghasilan tema karya seni saya. ● Bagi seorang pengkarya, studio bukan sekadar tempat untuk mencipta; ia adalah ruang yang suci (sacred), penuh dengan aura dan inspirasi. ● “<i>Kyoto Series</i>” Karya dalam siri ini bukan sahaja mencerminkan perjalanan peribadi saya, tetapi juga memberi gambaran tentang bagaimana saya menghadapi cabaran kehidupan di tanah asing. ● Karya-karya saya dalam “<i>Kyoto Series</i>” yang terhasil antara tahun 2015 hingga 2018 adalah contoh nyata bagaimana nilai budaya mempengaruhi cara saya berfikir, melihat dan menggambarkan alam sekitar. ● Keadaan ekonomi semasa, kos bahan atau peluang pasaran yang kecil atau besar tidak banyak mempengaruhi aktiviti berkarya. ● Menjalani aktiviti berkarya, dengan elemen nilai budaya dan persekitaran sering meresap dalam diri.
Haafiz Shahimi	<ul style="list-style-type: none"> ● Mendapat sokongan dan dorongan daripada keluarga bermula daripada sekolah rendah. ● Sentiasa berhubung secara kolektif bersama-sama rakan artis. Perbincangan, perkongsian pendapat, pengalaman bersama. ● Studio sebagai dunia artis, mengikut disiplin masing-masing dan ada karektor. <i>studio as battle ground</i>. ● Penggunaan <i>mixed media and pyrography</i> dalam karya. Material bersifat agresif, elemen api, <i>industrial works to create a sudden mark</i>. ● Kajian terhadap “<i>possibilities of using thermo-dynamic law in printmaking</i>”. ● <i>Nature of work</i> terdahulu, eksperimentasi bahan dan digunakan dalam aspek komersial dan kontemporari. ● Artis perlu ada sense, <i>capabilities to expand and manipulate the material</i>.

	<ul style="list-style-type: none"> • Artis menggabungkan nilai budaya di dalam karya perlu ada <i>complexity in the process</i>. Karya banyak dipengaruhi oleh aspek psikologi, pemahaman agama dan kebudayaan. • Solo ketiga bertajuk Covenant, karya bersiri yang mencari titik persamaan terhadap 3 agama islam, Kristian dan Judism yang tidak menyentuh mana-mana perlambangan. • Karya bertajuk “Remember our first sin” di inspirasikan daripada kisah Nabi Adam A.S. Karya menggunakan buah delima sebagai salah satu buah yang ada di syurga. Tidak secara literal menggambarkan apa yang berlaku di dalam Quran. Perlu ada garis panduan yang perlu dipatuhi sebagai seorang Muslim. • Falsafah seni di dalam islam, di simbolkan dan digambarkan dalam bentuk lanskap yang halus.
--	--


Bagi menghuraikan pengaruh ekologi terhadap karya, Jadual 1 memperincikan maklum balas informan melalui sesi temubual yang telah dijalankan. Maklumat yang diperolehi menggambarkan faktor persekitaran yang mempengaruhi proses kreatif dalam penghasilan karya seni secara menyeluruh.

Jadual 2. Elemen Ekologi Dalam Karya Fadli Mokhtar



Karya Artis	Teori Ekologi			
	Mikrosistem	Mesosistem	Ekosistem	Makrosistem
Fadli Mokhtar <i>Kyoto Series 1: Living Subject</i> Monotaip 2015 Pelbagai saiz	Keluarga	Persekitaran	Ekonomi	Tema; Nilai Budaya Melayu
	Pengalaman Peribadi	Ruang Rumah/Studio	Kos bahan Media/Medium	Mesej Budaya
	Perantau		Teknik Cetakan; Monotaip	Inspirasi Alam Persekitaran

Jadual 3. Elemen Ekologi Dalam Karya Haafiz Shahimi

				
<p>Sumber; Katalog pameran Haafiz x Faizal</p>				
Karya Artis	Teori Ekologi			
	Mikrosistem	Mesosistem	Ekosistem	Makrosistem
Haafiz Shahimi	Keluarga Rakan Artis	Institusi Seni	Ekonomi	Nilai Budaya/Agama
<i>Faizal x Haafiz: Dawn of Extended Printmaking</i>	Pengalaman Peribadi	Persekitaran	Bahan/Media Media Campuran Api-Kesan Terbakar Tanah-Kesan Cetakan	Mesej keagamaan Peringatan diri
Cetakan Mono 153cm x 325cm 2016	Persekitaran Ruang Kerja Bengkel/Studio Artis	Gabungan dua artis dalam 1 karya	Teknik Cetakan; Mono	Inspirasi alam Hubungan manusia dengan tuhan

Berdasarkan Jadual 2 dan 3, butiran elemen ekologi dipaparkan berdasarkan mikrosistem, mesosistem, ekosistem dan makrosistem. Dapatan menunjukkan elemen ekologi yang membangunkan idea, subjek dan konteks karya kedua-dua artis bagi penyelidikan ini. Analisis ini secara ringkas menjelaskan interaksi artis dengan persekitaran mereka yang membentuk naratif visual yang dihasilkan.

PERBINCANGAN

Hasil daripada dapatan dan analisa karya daripada kedua-dua artis iaitu Fadli Mokhtar dan Haafiz Shahimi menjelaskan pengaruh ekologi terhadap karya seni cetakan mereka. Oleh itu, sistem ekologi dikupas melalui visual yang dipaparkan dalam karya berdasarkan maklumbalas dari sesi temubual penyelidik bersama artis.

Fadli Mokhtar merupakan artis yang semakin berkembang melalui karya-karya cetakan monotaip. Kerjaya beliau dalam bidang seni visual di Malaysia bermula setelah tamat pengajian dalam bidang seni

halus di UiTM Shah Alam. Pada tahun 2014, artis mengadakan pameran solo yang pertama sebelum berpindah ke Kyoto, Jepun pada tahun berikutnya. Karyanya memaparkan objek harian sebagai bahasa bergambar yang sering digunakan dalam kehidupan. Secara formal, subjek yang digunakan bersifat peribadi tetapi terlihat universal, kegembiraan hidup, kasih sayang bersama dan hidup berjauhan. Manakala, keunikan pendekatan karya cetakan artis adalah melalui teknik cetakan monotaip dan kolaj di susun mengikut bentuk-bentuk di dalam satu permukaan. Artis bereksperimentasi dengan bahan dan perletakkan objek menggunakan kaedah "*find-select-paste*". *Kyoto Series I: Living Subject* adalah kompilasi karya daripada pameran solo Fadli Mokhtar semasa beliau berada di Jepun. Merujuk kepada Jadual 2, tiga buah karya dipilih *Malay Cloth and Sarong* (2015), *Festival* (2015) dan *Festival in the Park* (2016) yang masing-masing menggunakan teknik cetakan yang sama iaitu cetakan (monotaip) dan kolaj di atas kertas.

Karya diinspirasi daripada keluarga dan pengalaman peribadi artis yang menetap di Jepun pada ketika itu kerana menemani isterinya menyambung pelajaran. Elemen mikrosistem yang mempengaruhi artis dalam menghasilkan karya meletakkan diri beliau sebagai seorang perantau yang jauh dari keluarga di Malaysia. Persekitaran adalah rangsangan yang mempengaruhi perkembangan individu, ini dilihat daripada perubahan cuaca, waktu dan persekitaran dengan ruang rumah mempengaruhi artis untuk berkarya (Rahil & Habibah, 2002). Sementara itu, elemen mesosistem dan ekosistem diterapkan oleh artis melalui bahan dan medium yang mudah didapati di persekitarannya dengan menggunakan cetakan monotaip. Kesan, jalinan dan kolaj yang dihasilkan membentuk subjek yang organik dan geometrik dengan warna-warna yang ceria. Setiap bentuk dan warna disusun secara komposisi yang harmoni melambangkan landskap persekitaran di Jepun. Bersesuaian dengan tajuk karya yang meraikan perayaan di taman, artis menggambarkan suasana dan emosi yang gembira. Kreativiti seseorang individu yang mengekspresikan pemikiran dan emosi melalui seni dibentuk oleh persekitaran yang meninggalkan kesan visual mendalam dalam pemikiran.

Manakala karya Baju Melayu dan Sarong menggambarkan beliau sebagai seorang Melayu dan secara tidak lansung menunjukkan nilai-nilai sosio budaya yang tidak dilupakan. Elemen makrosistem yang merujuk kepada nilai dan mesej budaya divisualkan melalui bentuk baju melayu dan kain pelikat yang dipakai oleh lelaki melayu beragama islam. Interaksi budaya ini bukan sahaja memperkaya kreativiti artis, tetapi juga menggalakkan perkembangan seni membawanya ke tahap yang lebih tinggi dan meningkatkan kehalusan karya mereka dalam pelbagai aspek. Unsur visual dalam disiplin seni cetak sering dipengaruhi perlambangan dan persekitaran yang berfungsi sebagai medium menyampaikan mesej berkaitan budaya. Ini selari dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang menggariskan isu-isu budaya tempatan dan sosial dalam membentuk identiti melalui penghasilan karya seni rupa di Malaysia (Mohd Nafis et al., 2022).

Sementara itu, Haafiz Shahimi merupakan seorang artis yang *versatile* dalam mengendalikan bahan dan medium di setiap karya beliau. Gabungan teknik cetakan dan elemen api menjadikan beliau terkenal sebagai artis pelopor cetakan pirografi di Malaysia. Merujuk kepada mikrosistem, faktor persekitaran yang mempengaruhi artis bermula dari eksperimentasi bahan ketika bergelar pelajar di UiTM yang menjadikan kemahiran dan minat terhadap bidang ini terus berkembang. Selain daripada kekuatan bahan yang digunakan, idea dan tema yang dibawa dalam siri karya beliau juga memainkan peranan yang penting. Sokongan keluarga dan rakan banyak mempengaruhi artis sejak dari awal persekolahan apabila sering didedahkan dengan bidang kesenian. Sokongan dan pengaruh ini berterusan sehingga ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Memiliki studio atau ruang kerja yang berkongsi dengan rakan seni juga mewujudkan persekitaran yang sentiasa bergerak dalam memikirkan hala tuju dalam bidang ini.

Pengalaman peribadi telah menjadi asas kepada penghasilan karya ini. Latar belakang keluarga kedua-dua artis secara mikrosistem dan mesosistem mempengaruhi penghasilan karya dari pelbagai sudut bukan sahaja daripada persekitaran, ruang kerja (studio), bahan seiring tema yang diketengahkan.

Pameran kolaborasi bertajuk *Faizal x Haafiz: Dawn of Extended Printmaking* yang berlangsung di *Core Design* galeri pada 2016 mempamerkan karya seni dengan menggunakan pendekatan seni cetak kontemporari. Karya bertajuk *Ingatlah pada Dosa Kita yang Pertama* adalah sebuah karya kolaborasi oleh Haafiz Shahimi dan Faizal Suhif yang merupakan rakan artis yang memperjuangkan disiplin seni cetak. Kedua-dua artis mempunyai kemahiran seni cetak yang tersendiri. Faizal menggunakan kemahiran uniknya dalam seni membuat tanda (*mark-making*) atau jalinan tampak untuk menghasilkan bentuk bersudut dan latar belakang yang bertekstur. Artis menggunakan dakwat di atas kanvas yang diletakkan di atas tanah sebagai blok. Manakala, Haafiz menambah elemen cetakan pirografi di atas karya tersebut dengan mentafsir garis-garis latar belakang Faizal sebagai lapisan lanskap.

Artis menggunakan cetakan pirografi (*Pyrography*) yang merupakan konsep tekanan besi panas. Besi dibentuk mengikut subjek organik sebagai 'matrik' ciptaan artis yang menggantikan blok konvensional. Kesan terbakar hasil daripada tekanan besi yang ditekan di atas kanvas, dianggap sebagai pemindahan imej ke atas permukaan yang dicetak. Kaedah bakaran warna terus ke atas kanvas dinamakan sebagai "*90-degree inverted burn*". Media dan teknik campuran yang diaplikasikan merupakan eksperimen artis yang mengolah bahan asing dengan konsep cetakan. Karya ini merupakan salah satu karya uniknya, di mana teknik pembakaran terbalik diterapkan untuk melapis tafsirannya ke atas pemandangan tersebut. Penggunaan proses kimia yang lebih agresif dan tidak stabil memberikan impak karya seni itu menampilkan kemasan seperti kulit dan bahagian tepi yang terbakar. Dari sudut lain ia membawa mesej kepada idea kemusnahan buatan manusia lantas menjejak kembali kisah Adam dan Hawa.

Komposisi di bahagian tengah lanskap yang gelap dan samar-samar menjadi tumpuan utama dengan bentuk sebiji buah delima merah. Ia sebagai metafora yang merujuk kepada godaan dan kejatuhan manusia yang diceritakan dalam Al-Quran. Elemen makrosistem dalam karya mengetengahkan nilai agama dan budaya melalui kisah penghakiman Adam dan Hawa dikaburkan oleh ketamakan mereka. Kisah ini memberikan mesej dalam kehidupan seharian apabila manusia perlu menimbang setiap situasi dengan teliti. Di samping itu, Zoey M (2016) melihat karya artis banyak menggunakan subjek haiwan dan manusia untuk bercakap tentang kematian dan kemusnahan jiwa manusia.

Kedua-dua artis seni cetak kontemporari Fadli Mokhtar dan Haafiz Shahimi mempamerkan kematangan dalam setiap siri karya yang dihasilkan. Ini dapat dilihat melalui pembangunan tema, pengolahahan idea-idea yang bersifat peribadi namun divisualkan dalam konteks semasa dan global. Kebijaksanaan dalam mengendalikan bahan, media dan teknik cetakan yang konvensional kepada kaedah penyampaian yang kontemporari memberikan impak kreativiti karya mereka. Hubungan diantara pengaruh ekologi artis dengan persekitarannya sangat memberikan impak dalam proses penghasilan setiap karya seni mereka. Ini dibuktikan dengan setiap siri pameran mereka sama ada secara solo atau berkumpulan yang mendapat sambutan yang baik dikalangan peminat dan pengumpul seni di Malaysia khususnya.

Penyelidikan menggunakan pelbagai pendekatan teori sering digunakan bagi memahami sesebuah karya seni rupa. Mohamad Kamal Abd. Aziz (2016) mengatakan bahawa kritikan seni tidak hanya menilai "bentuk" atau aspek visual karya, tetapi juga "makna" yang terkandung yang sering kali dipengaruhi oleh perubahan sosial dalam masyarakat. Melalui analisis karya seni ini, dalam kerangka teori ekologi, perjalanan seni visual dapat difahami secara lebih mendalam sebagai cerminan hubungan antara artis, masyarakat dan persekitarannya. Kedua-dua artis ini memperlihatkan seni cetak berfungsi bukan hanya sebagai medium ekspresi kreatif tetapi juga sebagai dokumen peribadi, budaya dan sejarah. Melalui kritikan seni yang berasaskan ekologi, kita dapat memahami karya seni terhadap bentuk dan makna serta peranan seni dalam merangsang dialog sosial.

KESIMPULAN

Hasil daripada penyelidikan ini, telah memberikan impak dan input yang sangat berfokus dan holistik. Karya seni cetak dihayati dan difahami bukan secara visual semata malah kandungan karya di perjelas dengan terperinci serta menyeluruh oleh artis. Dalam konteks ekologi seni, komitmen artis terhadap karya mereka dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran membentuk pengalaman serta motivasi dalam berkarya. Ekosistem seni yang kondusif termasuk sokongan daripada keluarga, komuniti dan institusi seni memainkan peranan penting dalam memastikan artis terus berkarya dengan cemerlang untuk memenuhi harapan masyarakat serta peminat seni tempatan.

Ekologi dalam seni visual memperkukuhkan hubungan antara manusia dengan alam dan persekitarannya. Ia bukan sahaja memberikan ekspresi estetik terhadap isu-isu semasa, global malah menghubungkan manusia kepada tanggungjawab mereka terhadap alam dalam konteks kehidupan yang lebih lestari. Kedua-dua artis telah mengubah pendekatan konvensional dalam penilaian karya seni yang lazimnya berasaskan visual dan tertumpu pada karya akhir. Sebaliknya memfokuskan kepada proses dan alasan di sebalik pembentukan karya tersebut. Penerokaan dan pemahaman terhadap faktor ekologi artis yang lebih mendalam dapat meningkatkan penghargaan terhadap karya seni mereka. Pendekatan ini secara tidak langsung memberikan sumbangan yang bermakna kepada seni cetak kontemporari di Malaysia.

Implikasi kajian ini membawa pemahaman yang mendalam tentang ekologi seni perlu diperkayakan lagi melalui disiplin seni cetak. Kajian masa depan harus memberi tumpuan kepada eksplorasi lebih holistik terhadap interaksi antara artis dan persekitaran mereka dalam konteks yang lebih luas. Penyelidik disarankan untuk mengkaji lebih ramai artis seni cetak dan disiplin yang lain dalam melihat hubungan antara seni dan ekologi.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini telah dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Seni Kreatif dan Sains Sosial (CASSIC 2025), yang diadakan di Hotel Waterfront, Kuching, Sarawak, Malaysia, dari 15 hingga 17 April 2025. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya yang telah memungkinkan penyelidikan dan penulisan kertas kerja ini disempurnakan. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan sumbangan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan penyelia yang telah memberikan bimbingan dan maklum balas yang sangat bermakna sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Penghargaan khusus juga diberikan kepada para seniman seni cetak yang sudi berkongsi pengalaman, pandangan dan hasil karya mereka yang menjadi asas penting kepada dapatan kajian ini. Sumbangan kalian sangat bermakna dalam memastikan kelancaran dan keberhasilan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Anggrian, M & Nur Iksan. (2022). Seni Dalam Dimensi Ekologi: Peran Insan Seni Dalam Advokasi Isu Lingkungan. *Brikolase: Jurnal Kajian Teori, Praktik dan Wacana Seni Budaya Rupa*, 14(2), 153-170. <https://doi.org/10.33153/brikolase.v14i2.3964>

- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press. http://doi.org/10.1007/978-3-031-38762-3_4
- Curtis, D. J. (2009). Creating inspiration: The role of the arts in creating empathy for ecological restoration. *Ecological Management & Restoration*, 10(3), 174–184. <https://doi.org/10.1111/j.1442-8903.2009.00487.x>
- Hamidi Abdul Hadi, Sabzali Musa Khan, Nor Azlin Hamidon & Zahirah Harun. (2019). “Go-Block” 2009: Satu tinjauan terhadap seni cetak alternatif kontemporari Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 71–91. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/XXXXX>
- Issarezal Ismail & Humin Jusilin. (2020). Seni visual dalam konteks gejala sosial di Malaysia: Interpretasi simbolik pada karya catan Fawwaz Sukri. *Gendang Alam*, 10, 160-174. <https://doi.org/10.51200/ga.v10i.2582>.
- Issarezal Ismail, Muhamad Rozali Othman., Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Hamidi Abdul Hadi & Zahirah Harun. (2023). Pengaruh warisan budaya lokal dalam karya seni visual kontemporari seniman generasi muda di Malaysia. *KUPAS SENI*, 11(3), 83–90. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.10.2023>.
- Maanen, V.H. (2009). *How to study art worlds: On the societal functioning of aesthetic values*. Amsterdam University Press.
- Muliyadi Mahamood. (2007). *Modern Malaysian art: From the pioneering era to the pluralist era, 1930s-1990s*. Utusan Publications.
- McMahon, T. (2014, October). *Artificial nature: Building an ecological vision through printmaking* [Panel proposal]. Print City, MAPC Conference, Detroit, MI, United States.
- Mogashoa, T., & Makaring, B. (2024). Positive influences of integrating information communication technology in teaching English at a technical and vocational training college. *Journal of Ecohumanism*, 3(8), 69–82. <https://doi.org/10.62754/joe.v3i8.4713>.
- Mohd Fawazie bin Arshad, Mohamed Khizal Saat, Noor Enfendi Bin Desa. (2022). The Ideology of Era Pluralist in The Production Artwork: Ketubukan Alternative Printmaking Exhibition 2010. *Kupas Seni* 10, 57-67.
- Mohd Nafis Saad, Rosmidahanim Razali, Ruzamira Abdul Razak, Muhammad Salehuddin Zakaria & Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad. (2022). Significant of frog image as a cultural symbol in printmaking. *KUPAS SENI*, 10(1), 12–20. *KUPAS SENI*, 10(1), 12-20. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.1.2.2022>.
- Mohamad Kamal Abd. Aziz. (2016). *Kritikan seni dari perspektif sosio budaya di Malaysia* (Tesis PhD, tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed Saat, M.K., bin Omar, M. A., & bin Arshad, M. F. (2021). Sorotan terpilih terhadap Karya-Karya Seni Cetak Alternatif oleh Juhari Said. *KUPAS SENI*, 9(2), 99-115. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.2.8.2021>.

- Mursyidah Zainal Abidin, Mohd Razif Mohd Rathi, Wan Juliana Emeih Wahed & Zaidi Wasli. (2016). Printmaking: Mould as an alternative artwork. In R. Hassan, R. M. Zin, M. A. Azizan, & A. R. Yusof (Eds.), *Proceedings of the 2nd International Colloquium of Art and Design Education Research (i-CADER 2015)* (pp. 563–570). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-10-0237-3_55.
- Neal, J.W., & Neal, Z.P. (2013). Nested or networked? Future directions for ecological systems theory. *Social Development*, 22(4), 722–737. <https://doi.org/10.1111/sode.12018>.
- Nur Ain Elzira Abdullah. (2018). *Pendekatan kajian pengajaran dalam pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahil Haji Mahyuddin, Habibah Elias (2002). Psikologi pendidikan untuk perguruan. Malaysia: Karisma Publications.
- Rosiah Md Noor, Mohd Zahuri Khairani, (2019). Seni cetak masa kini di Malaysia: tinjauan umum menerusi pameran-pameran berkumpulan: Malaysian printmaking nowadays: general reviews through group exhibitions. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 22–30. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol7.3.2019>.
- Rosiah Md Noor, Mohd Zahuri Khairani, Mohd Azhar Abd Manan. (2014). Seni cetak dulu dan kini dalam perkembangan seni rupa di Malaysia. In *eProceedings of the Technical and Social Science Research International Conference (TeSSHI 2014)* (pp. 858–871).Universiti Teknologi MARA. <https://example.com>.
- Rosyidah, A.A., Ulfa, D.S., & Wahyuni, H. I. (2024). Becoming an active subject: Women's art collective eco-artivism for ecological sustainability in Indonesia. *Mudra Jurnal Seni Budaya*, 39(2), 211–221. <https://doi.org/10.31091/mudra.v39i2.2688>.
- Sarena Abdullah. (2018). The emerging alternative practices in Malaysian art (1990s–2015). *Art & the Public Sphere*, 7(1), 25-41. https://doi.org/10.1386/aps.7.1.25_1.
- Sim, J. (2023). The Development of Contemporary Art in Malaysia since 1930.
- Sugiarto, E. (2017). Kearifan ekologis sebagai sumber belajar seni rupa: Kajian ekologi-seni di wilayah pesisir Semarang. *Imajinasi: Jurnal Seni*, 11(2), 135-142.
- Syed Alwi Syed Abu Bakar & Azian Tahir, Ishak Ramli. (2018). Model Ekologi Seniman Visual Dalam Industri Seni Visual Kontemporari Malaysia: Satu Proposal Kerangka Kerja. *Ideology Journal*, 3(2), 69-74.
- Turner, C. (1999). *Tradition and change: Contemporary art of Asia and the Pacific*. Queensland: University of Queensland Press.
- Winczek, K., & Winczek, J. (2018). The ecological techniques and materials in artistic graphic art. In *E3S Web of Conferences* (Vol. 44, p. 00188). EDP Sciences. <http://dx.doi.org/10.1051/e3sconf/20184400188>.
- Winckelmann, J. J. (2013). *Johann Joachim Winckelmann on art, architecture, and archaeology* (Vol. 142). Boydell & Brewer.

Zoey, M. (2016). *Faizal v Haafiz; Dawn of Extended Printmaking*. Core Design Gallery.